



#dudukantulis@ums

e-Rencana

Realiti yang semua orang harus terima adalah COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membawa satu norma baharu dalam kehidupan manusia sejagat di tahun 2020.



Persekitaran dan gaya hidup baharu secara tidak langsung mengadunkan kehidupan kita dengan era IR4.0. Adunan ini telah mempercepatkan lagi proses normal perjalanan penyesuaian IR.4.0 ke dalam masyarakat.

Sekaligus, pelbagai isu dan cabaran yang berkaitan dengan kemampuan masyarakat beradaptasi

dengan cara hidup baharu telah muncul dengan pantas seperti keupayaan talian komunikasi, pemilikan alat komunikasi dan kuasa bersuara tanpa batasan dan yang paling tragis ialah penularan berita palsu atau budaya viral yang dalam sekelip mata boleh mempengaruhi persepsi dan Tindakan manusia.

Institusi pengajian tinggi tidak dapat lari daripada perubahan baharu terutamanya mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang pada ketika ini memerlukan satu anjakan yang memaksa kita keluar daripada kebiasaan. Kuliah dan kelas bersemuka ditukar kepada interaksi secara dalam talian melalui pelbagai kaedah dan platform. Kini, para pensyarah dan pelajar telah mula membiasakan diri dengan ekosistem pembelajaran dalam talian sambil menghubungkan

“Alah Bisa Tegak Biasa”: Ekosistem Baharu, Pengajaran dan Pembelajaran Baharu

- Dr Jurry Foo

idealisme dan respon melalui komunikasi maya yang tidak mengira waktu dan tempat.

Pengurusan dan pentadbiran melakukan banyak keputusan berkenaan operasi dan pelaksanaan kaedah di institusi pengajian tinggi melalui tinjauan dan suara kolektif secara maya dan bersandarkan kepada maklumat yang disuntik daripada pelbagai platform. Malah soal membuat keputusan banyak disandarkan kepada ‘persetujuan bersama’ atau kaedah ‘menang-memang’ antara pihak yang mempunyai matlamat yang sama.

Dalam mencapai matlamat PdP yang berkesan, intuisi pengajian tinggi juga berdepan cabaran agar tidak ada pelajar yang akan tercicir dan ketinggalan dalam mendapatkan ilmu dan kemahiran yang baharu.

Cabaran lain dalam ekosistem PdP yang baharu ialah pelaksanaan tugas kerja lapangan, kerja-kerja makmal, ujian kecergasan dan pelbagai aktiviti dan program yang memerlukan bimbingan semuka dan apa yang dikatakan sebagai tugas ‘hands-on’. Banyak persoalan yang timbul seperti adakah hanya dengan menggunakan teknologi dan kaedah visual maka ianya dapat benar-benar membentuk pengetahuan dan kemahiran insan?

Dari segi penyelidikan dan inovasi pula penyelidikan terpaksa bersandarkan kepada maklumat borang digital, di mana maklum balas terpaksa diterima tanpa turun ke lapangan. Kebanyakan inovasi dan penyelidikan adalah fokus kepada bentuk penyelesaian masalah, seperti penyelidikan dan inovasi khas untuk menghasilkan

peralatan dan kaedah menangani penyakit. Masalah sosial masyarakat adalah bergantung kepada 'keperluan' dan 'permintaan' masyarakat melalui tinjauan (survey) yang memperlihatkan kuasa masyarakat.

'Alah bisa tegal biasa' membawa mesej bahawa kita harus berubah untuk kelangsungan hidup. Kita harus memandang positif atas perubahan ini. Seperti manusia yang bijak dan tekal, kita harus terima dan bukan terpaksa terima. Ini kerana kelaziman kemajuan tamadaun adalah menerima perubahan. Malah dari sudut pandangan ekologi, manusia harus beradaptasi dengan perubahan untuk terus hidup, perlu ketekalan dan harus bijak.

Dalam konteks PdP di institusi pengajian tinggi, mahu atau tidak, warga institusi yang kekal ingin bertahan dalam ekosistem baharu harus menerima dan memainkan peranan dan memastikan nic masing-masing dapat dikekalkan agar dapat terus berfungsi dan mengoperasikan ekosistem pengajian tinggi. Pihak tidak ingin berubah masih boleh kekal, tetapi seakan berada di luar persaingan liga kerana bermain dengan cara permainan lama yang seakan tidak lagi serasi dengan ekosistem baharu.

Rungutan dan penolakan hanya akan membantutkan kecekapan Institusi pengajian tinggi dan memperlambatkan proses kemajuan. Banyak beralih hanya akan menjejaskan matlamat istitusi pengajian tinggi yang kondusif. Oleh itu semua komponen dalam eksistem pengajian tinggi perlu menggembleng Tenaga dan menggunakan peluang ini untuk bertindak logik dan pantas, menggunakan seluruh keupayaan, pengetahuan dan kemahiran. Kemahiran aras tinggi juga perlu dioptimumkan. **Malahan ekosistem baharu ini adalah peluang membentuk warga menara gading ini agar benar-benar berperanan sebagai pencetus kemajuan masyarakat, yakni pemikir dan institusi yang boleh diharapkan sebagai penentu kepada masa depan dan kesejahteraan manusia sejagat.**